



16 Ogos 2011
16 August 2011
P.U. (A) 274

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERLESENAN TENAGA ATOM
(PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF) 2011

*ATOMIC ENERGY LICENSING (RADIOACTIVE WASTE
MANAGEMENT) REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984
PERATURAN-PERATURAN PERLESENAN TENAGA ATOM
(PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF) 2011

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II
LESEN UNTUK MELUPUS

4. Lesen untuk melupus

BAHAGIAN III
TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LESEN

5. Tanggungjawab pemegang lesen

BAHAGIAN IV
PEGAWAI PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF

6. Pelantikan Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif
7. Tanggungjawab Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif

BAHAGIAN V
KAWALAN PENJANAAN SISA RADIOAKTIF

8. Kawalan penjanaan sisa radioaktif

BAHAGIAN VI
GUNA SEMULA DAN KITAR SEMULA BAHAN RADIOAKTIF

9. Guna semula dan kitar semula
10. Pemindahan bahan radioaktif

BAHAGIAN VII
PENGURUSAN SUMBER TERKEDAP TERPAKAI

11. Pemulangan sumber terkedap terpakai
12. Pemindahan ke kemudahan pengurusan sisa radioaktif

BAHAGIAN VIII
BUANGAN DAN PELUPUSAN SISA RADIOAKTIF

13. Had buangan
14. Buangan dan pemantauan sisa radioaktif
15. Sifat bukan radiologi sisa radioaktif
16. Sisa radioaktif yang tidak sesuai untuk pelepasan, buangan atau pelupusan

BAHAGIAN IX
PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF

17. Pengasingan sisa radioaktif
18. Bekas sisa radioaktif
19. Rekod bekas sisa radioaktif
20. Penambahbaikan ciri sisa radioaktif
21. Lokasi penyimpanan sisa radioaktif

- 22. Kemudahan penyimpanan
- 23. Penyimpanan selamat sisa radioaktif

BAHAGIAN X
PENGANGKUTAN SISA RADIOAKTIF

- 24. Pengangkutan sisa radioaktif

BAHAGIAN XI
JAMINAN KUALITI

- 25. Program jaminan kualiti

BAHAGIAN XII
KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN FIZIKAL

- 26. Keselamatan dan perlindungan sisa radioaktif
- 27. Pemberitahuan dan laporan mengenai kecurian, kehilangan atau sabotaj

BAHAGIAN XIII
REKOD DAN LAPORAN

- 28. Pengemukaan borang inventori sisa radioaktif
- 29. Pengemukaan rekod pelepasan, buangan atau pelupusan sisa radioaktif
- 30. Laporan mengenai pelepasan, buangan atau pelupusan yang tidak dibenarkan

BAHAGIAN XIV
PELAN DAN TATACARA KECEMASAN

- 31. Tindak balas kecemasan

BAHAGIAN XV
PENGHENTIAN OPERASI, PEMBUBARAN ATAU
PENINGGALAN KEMUDAHAN BERLESEN

32. Penghentian operasi, pembubaran atau peninggalan kemudahan berlesen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

PERATURAN-PERATURAN PERLESENAN TENAGA ATOM
(PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 68(2)(a) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Ogos 2011.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua aspek berkaitan sisa radioaktif dan pengurusan sisa yang terbit daripada penggunaan perubatan, industri dan penyelidikan dan apa-apa penggunaan lain yang dinyatakan oleh Lembaga.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aras pembersihan” ertinya satu nilai yang diwujudkan oleh Lembaga dan dinyatakan dalam sebutan kepekatan keaktifan atau jumlah keaktifan, yang pada atau bawahnya sumber sinaran boleh dilepaskan daripada kawalan Lembaga sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“bekas” ertinya tempat sisa radioaktif disimpan bagi pengendalian, pengangkutan, penyimpanan atau pelupusan dan ia merupakan komponen bungkusan sisa;

“buangan” ertinya pelepasan efluen secara terus ke persekitaran yang kemudiannya tersebar;

“bungkusan sisa” ertinya keluaran daripada perapian termasuk bentuk sisa, apa-apa bekas dan sawar dalaman seperti bahan penyerap dan pelapik;

“inventori sisa” ertinya rekod terperinci yang disenggara oleh pemegang lesen mengikut Jadual Keempat;

“jaminan kualiti” ertinya semua tindakan yang terancang dan sistematik yang diperlukan untuk memberikan keyakinan yang mencukupi bahawa bahan, keluaran, kemudahan, struktur, sistem, komponen, proses atau perkhidmatan akan memenuhi kehendak yang diperlukan bagi kualiti;

“Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif” ertinya orang yang dilantik di bawah peraturan 6;

“pelupusan” ertinya penempatan sisa radioaktif atau efluen yang dibuang secara terus;

“pemprosesan” ertinya apa-apa kendalian yang mengubah ciri-ciri sisa radioaktif termasuk prarawatan, rawatan dan perapian;

“pencirian” ertinya penentuan sifat-sifat fizikal, kimia dan radiologi bagi sisa radioaktif untuk mewujudkan keperluan bagi penyesuaian pelarasan, rawatan, perapian yang selanjutnya, atau kesesuaiannya untuk pengendalian, pemprosesan, penyimpanan atau pelupusan;

“pengasingan” ertinya suatu kegiatan apabila sisa radioaktif dipisahkan atau dibiarkan terpisah mengikut sifat radiologi, kimia atau fizikal yang akan memudahkan pengendalian atau pemprosesan sisa radioaktif;

“pengurusan sisa” ertinya semua kegiatan, pentadbiran dan kendalian, yang melibatkan pengendalian, prarawatan, rawatan, perapian, pengangkutan, penyimpanan dan pelupusan sisa radioaktif;

“penyimpanan” ertinya penempatan sisa radioaktif dalam kemudahan yang diluluskan oleh Lembaga di mana pemencilan, perlindungan persekitaran dan kawalan oleh manusia disediakan dengan niat untuk mendapatkan semula sisa radioaktif;

“perapian” ertinya apa-apa kendalian yang menghasilkan satu bungkusan sisa yang sesuai untuk pengendalian, pengangkutan, penyimpanan atau pelupusan;

“rawatan” ertinya suatu proses dan kaedah yang mengubah ciri sisa radioaktif melalui pengurangan isi padu, penyingkiran radionuklid daripada sisa radioaktif atau mengubah komposisi sisa radioaktif yang bertujuan untuk memberi manfaat dari segi keselamatan dan ekonomi;

“sisa radioaktif” ertinya benda atau artikel yang mengandungi radionuklid atau yang tercemar dengan radionuklid pada kepekatan keaktifan atau keaktifan yang melebihi daripada aras pembersihan dan tidak akan digunakan lagi.

BAHAGIAN II LESEN UNTUK MELUPUS

Lesen untuk melupus

4. Tiada seorang pun boleh melupus atau menyebabkan dilupus sisa radioaktif melainkan jika dia adalah pemegang lesen sah yang dikeluarkan oleh Lembaga mengikut Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 [*P.U. (A) 149/1986*].

BAHAGIAN III
TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LESEN

Tanggungjawab pemegang lesen

5. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab kepada pengurusan sisa radioaktif yang selamat dan hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk—

- (a) memastikan bahawa sisa radioaktif dilupuskan dalam masa satu tahun daripada pengeluarannya;
- (b) memastikan perlindungan yang mencukupi terhadap pekerja, orang awam dan persekitaran;
- (c) memastikan bahawa kakitangan, peralatan, kemudahan, latihan dan prosedur kendalian yang sesuai disediakan untuk melaksanakan langkah pengurusan sisa radioaktif yang selamat;
- (d) menjalankan penilaian keselamatan dan impak persekitaran;
- (e) mewujudkan dan menjalankan program jaminan kualiti bagi sisa radioaktif yang terjana atau pemprosesan, penyimpanan dan pelupusan sisa radioaktif;
- (f) mewujudkan dan menyimpan rekod maklumat yang berkenaan dengan penjanaan, pemprosesan, penyimpanan dan pelupusan sisa radioaktif termasuklah inventori sisa radioaktif;
- (g) menyediakan pengawasan dan kawalan sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga;
- (h) mengumpul, menganalisis dan jika berkenaan, berkongsi pengalaman pengendalian untuk memastikan keselamatan yang berterusan; dan

- (i) mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN IV
PEGAWAI PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF

Pelantikan Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif

6. (1) Pemegang lesen hendaklah melantik—

- (a) seorang Pegawai Perlindungan Sinaran yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [*P.U. (A) 46/2010*]; atau
- (b) seorang yang berkelayakan dan kompeten dari segi teknikal sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga,

sebagai Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif .

(2) Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah diiktiraf oleh Lembaga.

Tanggungjawab Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif

7. Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) memastikan bahawa semua peringkat pengurusan sisa radioaktif dijalankan mengikut tatacara keselamatan bertulis;
- (b) mewujudkan dan menyenggara suatu sistem penyimpanan rekod terperinci bagi semua peringkat pengurusan sisa radioaktif termasuklah inventori sisa radioaktif yang disimpan;

- (c) mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga untuk mengangkut sisa radioaktif keluar dari premis pemegang lesen;
- (d) memastikan pemerisaian perlabelan, keselamatan fizikal dan keutuhan bungkusan sisa radioaktif adalah sesuai;
- (e) memastikan bahawa buangan efluen dijalankan mengikut aras pembersihan atau had yang dibenarkan sebagaimana yang terkandung dalam lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga;
- (f) memastikan bahawa pelepasan atau pelupusan sisa radioaktif pepejal dibuat mengikut aras pembersihan atau had yang dibenarkan sebagaimana yang terkandung dalam lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga;
- (g) melaporkan kemalangan dan amalan pengurusan sisa radioaktif yang tidak sesuai kepada pemegang lesen;
- (h) memastikan pengetahuan terkini mengenai pilihan ciri-ciri buangan dan pelupusan; dan
- (i) mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V

KAWALAN PENJANAAN SISA RADIOAKTIF

Kawalan penjaan sisa radioaktif

8. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa penjaan sisa radioaktif dan kesannya terhadap persekitaran adalah semimum yang mungkin.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan sumber terkedap terpakai tidak dileraiakan.

BAHAGIAN VI

GUNA SEMULA DAN KITAR SEMULA BAHAN RADIOAKTIF

Guna semula dan kitar semula

9. Pemegang lesen hendaklah, sebelum mengisytiharkan bahan radioaktif termasuk sumber terkedap sebagai sisa radioaktif, mempertimbangkan sama ada dia atau mana-mana orang lain boleh menggunakan atau mengitar semula bahan radioaktif itu.

Pemindahan bahan radioaktif

10. (1) Sekiranya pemegang lesen memutuskan untuk memindahkan bahan radioaktif kepada mana-mana orang lain, pemegang lesen itu hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga terlebih dahulu sebelum pemindahan itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa orang yang kepadanya bahan radioaktif itu hendak dipindahkan mempunyai lesen yang sah.

(3) Jika pemegang lesen tidak dapat memindahkan bahan radioaktif itu kepada orang sebagaimana yang telah dikenal pasti di bawah subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah mengisytiharkan bahan radioaktif itu sebagai sisa radioaktif atau mengekalkannya sebagai bahan radioaktif.

(4) Pemegang lesen hendaklah, selepas pengisytiharan di bawah subperaturan (3), memperoleh kelulusan daripada Lembaga terlebih dahulu sebelum menghantar sisa radioaktif itu ke kemudahan pengurusan sisa radioaktif yang diluluskan oleh Lembaga.

BAHAGIAN VII
PENGURUSAN SUMBER TERKEDAP TERPAKAI

Pemulangan sumber terkedap terpakai

11. Mana-mana orang yang bercadang untuk memperoleh sumber terkedap yang mengandungi bahan radioaktif yang mempunyai keaktifan lebih besar daripada 100 Megabecquerel hendaklah –

- (a) menghendaki pembekal, supaya memasukkan suatu syarat dalam perjanjian bagi pembelian atau dalam dokumen bagi penerimaan sumber terkedap sebagai hadiah, untuk menerima semula sumber terkedap tersebut dalam masa tiga bulan dari tarikh permintaan pemulangan yang dibuat oleh pembeli atau penerima;
- (b) menghantar satu salinan bahagian yang berkaitan perjanjian atau dokumen penerimaan sumber terkedap itu kepada Lembaga dan memperoleh kebenaran bertulis Lembaga sebelum membuat perjanjian atau menerima sumber terkedap itu; dan
- (c) memulangkan sumber terkedap terpakai itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a).

Pemindahan ke kemudahan pengurusan sisa radioaktif

12. (1) Sekiranya seseorang pemegang lesen tidak dapat memulangkan sumber terkedap terpakai kepada pembekalnya, pemegang lesen itu hendaklah memperoleh suatu kelulusan bertulis daripada Lembaga terlebih dahulu sebelum menghantar sumber terkedap terpakai itu ke kemudahan pengurusan sisa radioaktif.

(2) Kemudahan pengurusan sisa radioaktif di bawah subperaturan (1) hendaklah diluluskan oleh Lembaga.

BAHAGIAN VIII
BUANGAN DAN PELUPUSAN SISA RADIOAKTIF

Had buangan

13. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—
- (a) buangan itu tidak lebih daripada 1 meter padu sisa radioaktif mengikut aras pembersihan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua atau apa-apa jumlah isi padu yang lebih besar sebagaimana yang dibenarkan dalam lesen, dilepaskan ke persekitaran; dan
 - (b) jumlah nisbah buangan bagi radionuklid bercampur mestilah tidak melebihi 1 mengikut pengiraan sebagaimana dalam Jadual Ketiga.
- (2) Pemegang lesen hendaklah memperoleh kebenaran daripada Lembaga sebelum melepaskan, membuang atau melupuskan lebih daripada 1 meter padu sisa radioaktif ke persekitaran.
- (3) Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen supaya mengemukakan butir-butir mengenai pelepasan, buangan atau pelupusan yang dicadangkan di bawah subperaturan (2) sebelum memberikan kebenaran.
- (4) Pemegang lesen dalam melepaskan, membuang atau melupuskan sisa radioaktif di bawah subperaturan (2) hendaklah mematuhi aras pembersihan dalam setiap tahun kalendar.

Buangan dan pemantauan sisa radioaktif

14. Pemegang lesen hendaklah—
- (a) memastikan semua sisa buangan radioaktif adalah serendah yang semunasabahnya dapat dicapai di bawah had yang dibenarkan; dan

- (b) mengawasi dan merekodkan sisa radioaktif yang dibuang dengan butir-butir yang mencukupi dan tepat bagi membuktikan pematuhan had yang dibenarkan dan bagi menyediakan anggaran dedahan kepada orang awam.

Sifat bukan radiologi sisa radioaktif

15. Jika keradioaktifan dalam bentuk bahan radioaktif atau sisa radioaktif hendak dilepaskan, dibuang atau dilupuskan ke persekitaran, pemegang lesen hendaklah mempertimbangkan sifat bukan radiologi bahan tersebut dan hendaklah mematuhi semua undang-undang lain yang berkaitan dengan sifat itu.

Sisa radioaktif yang tidak sesuai untuk pelepasan, buangan atau pelupusan

16. Jika sisa radioaktif tidak sesuai untuk dilepaskan, dibuang atau dilupuskan ke persekitaran dalam masa satu tahun dari pewujudannya atau pada bila-bila masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, pemegang lesen hendaklah -

- (a) mengemukakan suatu cadangan dan memperoleh kelulusan daripada Lembaga bagi pelupusan sisa radioaktif; dan
- (b) mematuhi mana-mana kehendak yang dibuat oleh Lembaga mengenai rawatan dan pelupusan sisa radioaktif selanjutnya.

BAHAGIAN IX

PENGURUSAN SISA RADIOAKTIF

Pengasingan sisa radioaktif

17. (1) Pemegang lesen hendaklah mengelaskan sisa radioaktif sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan mengasingkan sisa radioaktif menggunakan asas di bawah subperaturan (2) dan mengikut apa-apa kehendak lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Sisa radioaktif hendaklah dikategorikan berdasarkan kepada sifat radiologi, fizikal, kimia dan biologi.

Bekas sisa radioaktif

18. (1) Setiap sisa radioaktif selepas pengasingan di bawah subperaturan 17(1), hendaklah disimpan secara berasingan di dalam bekas yang berlainan.

(2) Setiap bekas hendaklah—

(a) ditandakan dengan jelas dan unik dengan butir-butir seperti keaktifan, jenis radionuklid, separuh hayat, bentuk fizikal dan kimia dan bahaya bukan radiologi;

(b) mempunyai simbol sinaran;

(c) kuat;

(d) sesuai dengan sisa radioaktif tersebut; dan

(e) boleh diisi dan dikosongkan dengan selamat sepanjang tempoh yang dijangka dalam penyimpanan termasuklah penyediaan pemeriksaan yang mencukupi sebagaimana yang sesuai.

Rekod bekas sisa radioaktif

19. Pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod bagi setiap bekas sisa radioaktif yang mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) pengenalan nombornya yang unik dan kelas sisa radioaktif;

(b) jenis radionuklid, jika boleh dilaksanakan berdasarkan asas masing-masing tetapi jika tidak secara kumpulan atau keseluruhan;

- (c) keaktifan setiap radionuklid atau kumpulan radionuklid, cara pengukuran atau anggaran dan tarikh pengukuran atau anggaran;
- (d) asal sisa radioaktif seperti daripada kemudahan, makmal, bilik dan orang;
- (e) bahaya sebenar atau potensi bahaya yang lain termasuklah yang bersifat kimia, patogenik dan berjangkit;
- (f) kadar dos pada 1 meter dan tarikh pengukuran;
- (g) keputusan pengukuran pencemaran permukaan;
- (h) kuantiti sisa radioaktif dari segi bilangan unit, jisim dan isi padu; dan
- (i) nama Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif yang membuat pencirian kandungan bekas sisa radioaktif dan yang menyediakan rekod.

Penambahbaikan ciri sisa radioaktif

20. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa rawatan dan perapian sisa radioaktif dijalankan jika perlu untuk menambah baik ciri sisa radioaktif sebelum penyimpanan dan memenuhi kehendak Lembaga bagi penyimpanan dan pelupusan.

Lokasi penyimpanan sisa radioaktif

21. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa sisa radioaktif disimpan dengan mengikut apa-apa cara untuk melindungi kesihatan manusia dan persekitaran dan terutamanya tidak boleh disimpan di sekitar bahan mengakis, mudah meletup atau mudah terbakar dan juga di kawasan yang mudah berlaku bencana alam.

Kemudahan penyimpanan

22. Pemegang lesen hendaklah menyediakan kemudahan khas atau kemudahan lain bagi penyimpanan sisa radioaktif yang hendaklah—

- (a) ditandakan dengan jelas;

- (b) mempunyai simbol sinaran;
- (c) mempunyai akses terkawal; dan
- (d) membolehkan pemisahan sisa radioaktif yang belum dirawat dan yang telah dirawat.

Penyimpanan selamat sisa radioaktif

23. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) bahan dan binaan bekas penyimpanan sisa radioaktif hendaklah menjamin keutuhan bungkusan sisa radioaktif dikekalkan sepanjang tempoh simpanan yang dijangkakan;
- (b) jenis sisa radioaktif seperti kaca atau benda tajam disimpan dalam bekas luaran yang mempunyai pelapik dalaman kalis tusukan;
- (c) jika sisa radioaktif boleh mengakis atau sepai di dalam bekas atau jika penyimpanan berkemungkinan berpanjangan, satu pelapik yang sesuai digunakan bagi mengekalkan keutuhan kandungan sepanjang tempoh simpanan yang dijangkakan;
- (d) sumber terkedap terpakai disimpan dalam pemerisaian terdekat di dalam bekas untuk mengurangkan dedahan dan membantu pengendalian pada masa hadapan; dan
- (e) permukaan dalaman dan luaran semua bekas telah diperiksa pencemarannya setiap kali sebelum bekas digunakan atau digunakan semula.

BAHAGIAN X
PENGANGKUTAN SISA RADIOAKTIF

Pengangkutan sisa radioaktif

24. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa apa-apa pengangkutan sisa radioaktif dari premisnya adalah mengikut undang-undang bertulis mengenai pengangkutan sisa radioaktif.

BAHAGIAN XI
JAMINAN KUALITI

Program jaminan kualiti

25. (1) Mana-mana orang yang memohon lesen yang berhubungan dengan pengurusan sisa radioaktif hendaklah mengemukakan suatu program jaminan kualiti bertulis yang setara dengan skala pengendalian yang dirancang kepada Lembaga untuk kelulusan.

(2) Pemegang lesen hendaklah membuktikan cara pematuhan yang dirancang mengikut semua kehendak termasuklah pelaksanaan program jaminan kualiti yang dikemukakan berkenaan dengan sisa radioaktif yang dikenakan kepada pemegang lesen oleh Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pemegang lesen hendaklah, apabila diminta oleh Lembaga mengemukakan laporan mengenai keberkesanan program jaminan kualiti berkenaan dengan kegiatan pengurusan sisa radioaktif untuk menunjukkan bahawa pemegang lesen sentiasa memenuhi semua kehendak Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN XII
KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN FIZIKAL

Keselamatan dan perlindungan sisa radioaktif

26. Pemegang lesen hendaklah mengambil segala langkah untuk memastikan keselamatan dan perlindungan sisa radioaktif yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya bagi—

- (a) menghalang orang yang tidak dibenarkan mendapat akses ke kawasan simpanan sisa radioaktif; dan
- (b) melindungi sisa radioaktif daripada kecurian, kehilangan dan sabotaj.

Pemberitahuan dan laporan mengenai kecurian, kehilangan atau sabotaj

27. (1) Pemegang lesen hendaklah, apabila menyedari apa-apa kecurian, kehilangan atau sabotaj kepada mana-mana sisa radioaktif yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya—

- (a) memberitahu Lembaga tentang kecurian, kehilangan atau sabotaj itu sebaik selepas menyedari kecurian, kehilangan atau sabotaj itu;
- (b) mengambil tindakan bagi mendapatkan kembali sisa radioaktif itu dan mengawal kemudahan itu jika perlu; dan
- (c) mengemukakan suatu laporan yang lengkap tentang kecurian, kehilangan atau sabotaj itu secara bertulis kepada Lembaga dalam masa tiga puluh hari selepas pemberitahuan kepada Lembaga.

(2) Laporan yang hendaklah dikemukakan oleh pemegang lesen di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengandungi—

- (a) jika berkenaan, suatu perihalan tentang sisa radioaktif, termasuk jenis, kuantiti dan bentuk kimia dan fizikalnya;
- (b) suatu perihalan tentang hal keadaan kecurian, kehilangan atau sabotaj itu terjadi;
- (c) suatu pernyataan tentang lokasi atau lokasi yang mungkin bagi sisa radioaktif itu;
- (d) dedahan sinaran yang mungkin berlaku kepada individu, hal keadaan yang dedahan mungkin berlaku, dan takat potensi bahaya kepada orang awam itu;
- (e) tindakan yang telah diambil, atau yang akan diambil, untuk mendapatkan kembali sisa radioaktif itu;
- (f) tatacara atau langkah yang telah atau akan diterima pakai untuk menghalang berulangnya kecurian, kehilangan atau sabotaj sisa radioaktif itu; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang disifatkan perlu oleh pemegang lesen atau Lembaga.

BAHAGIAN XIII
REKOD DAN LAPORAN

Pengemukaan borang inventori sisa radioaktif

28. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan—

- (a) borang inventori sisa radioaktif tidak lewat dari 1 Mac tahun berikutnya; dan
- (b) borang inventori sisa radioaktif yang terkini yang berhubungan dengan sisa radioaktif yang ada dalam milikannya tidak kurang daripada tiga

puluh hari dan tidak lebih daripada enam puluh hari sebelum tamat tempoh lesen,

kepada Lembaga sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Pengemukakan rekod pelepasan, buangan atau pelupusan sisa radioaktif

29. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu rekod pelepasan, buangan atau pelupusan sisa radioaktif yang dibersihkan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima tidak lewat dari 1 Mac tahun yang berikutnya.

Laporan mengenai pelepasan, buangan atau pelupusan yang tidak dibenarkan

30. Jika pemegang lesen mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) lebih daripada 1 meter padu sisa radioaktif yang melebihi aras pembersihan telah dilepaskan;
- (b) apa-apa isi padu sisa radioaktif yang lebih besar daripada had yang dibenarkan dalam lesen telah dilepaskan; atau
- (c) sisa radioaktif yang telah dibuang atau dilupuskan ke persekitaran adalah melebihi had yang dibenarkan,

pemegang lesen hendaklah memberitahu Lembaga dalam masa dua puluh empat jam selepas menyedari kejadian itu dan mengemukakan laporan bertulis mengenai perkara itu dan tindakan yang telah diambil kepada Lembaga dalam masa tiga puluh hari selepas Lembaga diberitahu.

BAHAGIAN XIV
PELAN DAN TATACARA KECEMASAN

Tindak balas kecemasan

31. Pemegang lesen hendaklah memberi tindak balas kepada semua kecemasan yang melibatkan sisa radioaktif sebagaimana yang diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46/2010].

BAHAGIAN XV
PENGHENTIAN OPERASI, PEMBUBARAN ATAU PENINGGALAN
KEMUDAHAN BERLESEN

Penghentian operasi, pembubaran atau peninggalan kemudahan berlesen

32. Pemegang lesen tidak boleh menghentikan operasi, membubarkan, atau meninggalkan kemudahan berlesennya yang melibatkan sistem pengurusan sisa berlesen atau kemudahan pengurusan sisa radioaktif kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46/2010].

JADUAL PERTAMA
 PENGELASAN SISA RADIOAKTIF
 (Subperaturan 17(1) dan Jadual Keempat)

Kelas	Keterangan
Sisa yang Dibersihkan	Bahan yang mengandungi aras radionuklid pada kepekatan keaktifan yang kurang daripada yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
Sisa Aras Rendah (Hayat Pendek)/Sisa Reput	Sisa radioaktif aras rendah yang mengandungi radionuklid hayat pendek sahaja (seperuh hayat kurang daripada 100 hari) yang akan mereput ke aras pembersihan dalam masa tiga tahun selepas masa penjanaannya.
Sisa Hayat Pendek Aras Rendah dan Pertengahan (LILW-SL)	Sisa radioaktif yang tidak akan mereput ke aras pembersihan dalam masa tiga tahun yang mengandungi radionuklid yang memancar beta/gama dengan separuh hayat kurang daripada tiga puluh tahun atau radionuklid yang memancar alfa yang mempunyai kepekatan keaktifan kurang daripada 400Bq/g dan jumlah keaktifan di dalam setiap bungkusan sisa radioaktif kurang daripada 4000 Bq.
Sisa Hayat Panjang Aras Rendah dan Pertengahan (LILW-LL)	Sisa radioaktif yang mengandungi radionuklid dengan kepekatan keaktifan lebih daripada LILW-SL tetapi tidak menghasilkan haba melebihi 2kW/m ³ .
Sisa Aras Tinggi (HLW)	Sisa radioaktif yang mengandungi radionuklid dengan kepekatan keaktifan lebih daripada LILW-SL yang menghasilkan haba melebihi 2kW/m ³ .

JADUAL KEDUA
ARAS PEMBERSIHAN SISA RADIOAKTIF

(Peraturan 3, perenggan 13(1)(a), Jadual Pertama dan Ketiga)

Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)	Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)
H-3	1×10^6	1×10^9	Fe-52	1×10^1	1×10^6
Be-7	1×10^3	1×10^7	Fe-55	1×10^4	1×10^6
C-14	1×10^4	1×10^7	Fe-59	1×10^1	1×10^6
O-15	1×10^2	1×10^9	Co-55	1×10^1	1×10^6
F-18	1×10^1	1×10^6	Co-56	1×10^1	1×10^5
Na-22	1×10^1	1×10^6	Co-57	1×10^2	1×10^6
Na-24	1×10^1	1×10^5	Co-58	1×10^1	1×10^6
Si-31	1×10^3	1×10^6	Co-58 ^m	1×10^4	1×10^7
P-32	1×10^3	1×10^5	Co-60	1×10^1	1×10^5
P-33	1×10^5	1×10^8	Co-60 ^m	1×10^3	1×10^6
S-35	1×10^5	1×10^8	Co-61	1×10^2	1×10^6
Cl-36	1×10^4	1×10^6	Co-62 ^m	1×10^1	1×10^5
Cl-38	1×10^1	1×10^5	Ni-59	1×10^4	1×10^8
Ar-37	1×10^6	1×10^8	Ni-63	1×10^5	1×10^8
Ar-41	1×10^2	1×10^9	Ni-65	1×10^1	1×10^6
K-40	1×10^2	1×10^6	Cu-64	1×10^2	1×10^6
K-42	1×10^2	1×10^6	Zn-65	1×10^1	1×10^6
K-43	1×10^1	1×10^6	Zn-69	1×10^4	1×10^6
Ca-45	1×10^4	1×10^7	Zn-69 ^m	1×10^2	1×10^6
Ca-47	1×10^1	1×10^6	Ga-72	1×10^1	1×10^5
Sc-46	1×10^1	1×10^6	Ge-71	1×10^4	1×10^8
Sc-47	1×10^2	1×10^6	As-73	1×10^3	1×10^7
Sc-48	1×10^1	1×10^5	As-74	1×10^1	1×10^6
V-48	1×10^1	1×10^5	As-76	1×10^2	1×10^5
Cr-51	1×10^3	1×10^7	As-77	1×10^3	1×10^6
Mn-51	1×10^1	1×10^5	Se-75	1×10^2	1×10^6
Mn-52	1×10^1	1×10^5	Br-82	1×10^1	1×10^6
Mn-52 ^m	1×10^1	1×10^5	Kr-74	1×10^2	1×10^9
Mn-53	1×10^4	1×10^9	Kr-76	1×10^2	1×10^9
Mn-54	1×10^1	1×10^6	Kr-77	1×10^2	1×10^9
Mn-56	1×10^1	1×10^5	Kr-79	1×10^3	1×10^5
Kr-81	1×10^4	1×10^7	Tc-97	1×10^3	1×10^8
Kr-83 ^m	1×10^5	1×10^{12}	Tc-97 ^m	1×10^3	1×10^7
Kr-85	1×10^5	1×10^4	Tc-99	1×10^4	1×10^7

Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)	Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)
Kr-85 ^m	1 × 10 ³	1 × 10 ¹⁰	Tc-99 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷
Kr-87	1 × 10 ²	1 × 10 ⁹	Ru-97	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷
Kr-88	1 × 10 ²	1 × 10 ⁹	Ru-103	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Rb-86	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵	Ru-105	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶
Sr-85	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶	Ru-106 ^a	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵
Sr-85 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷	Rh-103 ^m	1 × 10 ⁴	1 × 10 ⁸
Sr-87 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶	Rh-105	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷
Sr-89	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶	Pd-103	1 × 10 ³	1 × 10 ⁸
Sr-90 ^a	1 × 10 ²	1 × 10 ⁴	Pd-109	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶
Sr-91	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁵	Ag-105	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Sr-92	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Ag-110 ^m	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶
Y-90	1 × 10 ³	1 × 10 ⁵	Ag-111	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶
Y-91	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶	Cd-109	1 × 10 ⁴	1 × 10 ⁶
Y-91 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶	Cd-115	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Y-92	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵	Cd-115 ^m	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶
Y-93	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵	In-111	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Zr-93 ^a	1 × 10 ³	1 × 10 ⁷	In-113 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Zr-95	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	In-114 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Zr-97 ^a	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁵	In-115 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Nb-93 ^m	1 × 10 ⁴	1 × 10 ⁷	Sn-113	1 × 10 ³	1 × 10 ⁷
Nb-94	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Sn-125	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵
Nb-95	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Sb-122	1 × 10 ²	1 × 10 ⁴
Nb-97	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Sb-124	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶
Nb-98	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁵	Sb-125	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Mo-90	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Te-123 ^m	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷
Mo-93	1 × 10 ³	1 × 10 ⁸	Te-125 ^m	1 × 10 ³	1 × 10 ⁷
Mo-99	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶	Te-127	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶
Mo-101	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Te-127 ^m	1 × 10 ³	1 × 10 ⁷
Tc-96	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Te-129	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Tc-96 ^m	1 × 10 ³	1 × 10 ⁷	Te-129 ^m	1 × 10 ³	1 × 10 ⁶
Te-131	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵	Ce-143	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Te-131 ^m	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Ce-144 ^a	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵
Te-132	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷	Pr-142	1 × 10 ²	1 × 10 ⁵
Te-133	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁵	Pr-143	1 × 10 ⁴	1 × 10 ⁶
Te-133 ^m	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁵	Nd-147	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
Te-134	1 × 10 ¹	1 × 10 ⁶	Nd-149	1 × 10 ²	1 × 10 ⁶
I-123	1 × 10 ²	1 × 10 ⁷	Pm-147	1 × 10 ⁴	1 × 10 ⁷

Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)	Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)
I-125	1×10^3	1×10^6	Pm-149	1×10^3	1×10^6
I-126	1×10^2	1×10^6	Sm-151	1×10^4	1×10^8
I-129	1×10^2	1×10^5	Sm-153	1×10^2	1×10^6
I-130	1×10^1	1×10^6	Eu-152	1×10^1	1×10^6
I-131	1×10^2	1×10^6	Eu-152 ^m	1×10^2	1×10^6
I-132	1×10^1	1×10^5	Eu-154	1×10^1	1×10^6
I-133	1×10^1	1×10^6	Eu-155	1×10^2	1×10^7
I-134	1×10^1	1×10^5	Gd-153	1×10^2	1×10^7
I-135	1×10^1	1×10^6	Gd-159	1×10^3	1×10^6
Xe-131 ^m	1×10^4	1×10^4	Tb-160	1×10^1	1×10^6
Xe-133	1×10^3	1×10^4	Dy-165	1×10^3	1×10^6
Xe-135	1×10^3	1×10^{10}	Dy-166	1×10^3	1×10^6
Cs-129	1×10^2	1×10^5	Ho-166	1×10^3	1×10^5
Cs-131	1×10^3	1×10^6	Er-169	1×10^4	1×10^7
Cs-132	1×10^1	1×10^5	Er-171	1×10^2	1×10^6
Cs-134 ^m	1×10^3	1×10^5	Tm-170	1×10^3	1×10^6
Cs-134	1×10^1	1×10^4	Tm-171	1×10^4	1×10^8
Cs-135	1×10^4	1×10^7	Yb-175	1×10^3	1×10^7
Cs-136	1×10^1	1×10^5	Lu-177	1×10^3	1×10^7
Cs-137 ^a	1×10^1	1×10^4	Hf-181	1×10^1	1×10^6
Cs-138	1×10^1	1×10^4	Ta-182	1×10^1	1×10^4
Ba-131	1×10^2	1×10^6	W-181	1×10^3	1×10^7
Ba-140 ^a	1×10^1	1×10^5	W-185	1×10^4	1×10^7
La-140	1×10^1	1×10^5	W-187	1×10^2	1×10^6
Ce-139	1×10^2	1×10^6	Re-186	1×10^3	1×10^6
Ce-141	1×10^2	1×10^7	Re-188	1×10^2	1×10^5
Os-185	1×10^1	1×10^6	Rn-222 ^a	1×10^1	1×10^8
Os-191	1×10^2	1×10^7	Ra-223 ^a	1×10^2	1×10^5
Os-191 ^m	1×10^3	1×10^7	Ra-224 ^a	1×10^1	1×10^5
Os-193	1×10^2	1×10^6	Ra-225	1×10^2	1×10^5
Ir-190	1×10^1	1×10^6	Ra-226 ^a	1×10^1	1×10^4
Ir-192	1×10^1	1×10^4	Ra-227	1×10^2	1×10^6
Ir-194	1×10^2	1×10^5	Ra-228 ^a	1×10^1	1×10^5
Pt-191	1×10^2	1×10^6	Ac-228	1×10^1	1×10^6
Pt-193 ^m	1×10^3	1×10^7	Th-226 ^a	1×10^3	1×10^7
Pt-197	1×10^3	1×10^6	Th-227	1×10^1	1×10^4
Pt-197 ^m	1×10^2	1×10^6	Th-228 ^a	1×10^0	1×10^4

Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)	Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)
Au-198	1×10^2	1×10^6	Th-229 ^a	1×10^0	1×10^3
Au-199	1×10^2	1×10^6	Th-230	1×10^0	1×10^4
Hg-197	1×10^2	1×10^7	Th-231	1×10^3	1×10^7
Hg-197 ^m	1×10^2	1×10^6	Th-nat	1×10^0	1×10^3
Hg-203	1×10^2	1×10^5	(termasuk Th-232)		
Tl-200	1×10^1	1×10^6	Th-234 ^a	1×10^3	1×10^5
Tl-201	1×10^2	1×10^6	Pa-230	1×10^1	1×10^6
Tl-202	1×10^2	1×10^6	Pa-231	1×10^0	1×10^3
Tl-204	1×10^4	1×10^4	Pa-233	1×10^2	1×10^7
Pb-203	1×10^2	1×10^6	U-230 ^a	1×10^1	1×10^5
Pb-210 ^a	1×10^1	1×10^4	U-231	1×10^2	1×10^7
Pb-212 ^a	1×10^1	1×10^5	U-232 ^a	1×10^0	1×10^3
Bi-206	1×10^1	1×10^5	U-233	1×10^1	1×10^4
Bi-207	1×10^1	1×10^6	U-234	1×10^1	1×10^4
Bi-210	1×10^3	1×10^6	U-235 ^a	1×10^1	1×10^4
Bi-212 ^a	1×10^1	1×10^5	U-236	1×10^1	1×10^4
Po-203	1×10^1	1×10^6	U-237	1×10^2	1×10^6
Po-205	1×10^1	1×10^6	U-238 ^a	1×10^1	1×10^4
Po-207	1×10^1	1×10^6	U-nat	1×10^0	1×10^3
Po-210	1×10^1	1×10^4	U-239	1×10^2	1×10^6
At-211	1×10^3	1×10^7	U-240	1×10^3	1×10^7
Rn-220 ^a	1×10^4	1×10^7	U-240 ^a	1×10^1	1×10^6
Np-237 ^a	1×10^0	1×10^3	Cm-244	1×10^1	1×10^4
Np-239	1×10^2	1×10^7	Cm-245	1×10^0	1×10^3
Np-240	1×10^1	1×10^6	Cm-246	1×10^0	1×10^3
Pu-234	1×10^2	1×10^7	Cm-247	1×10^0	1×10^4
Pu-235	1×10^2	1×10^7	Cm-248	1×10^0	1×10^3
Pu-236	1×10^1	1×10^4	Bk-249	1×10^3	1×10^6
Pu-237	1×10^3	1×10^7	Cf-246	1×10^3	1×10^6
Pu-238	1×10^0	1×10^4	Cf-248	1×10^1	1×10^4
Pu-239	1×10^0	1×10^4	Cf-249	1×10^0	1×10^3
Pu-240	1×10^0	1×10^3	Cf-250	1×10^1	1×10^4
Pu-241	1×10^2	1×10^5	Cf-251	1×10^0	1×10^3
Pu-242	1×10^0	1×10^4	Cf-252	1×10^1	1×10^4
Pu-243	1×10^3	1×10^7	Cf-253	1×10^2	1×10^5
Pu-244	1×10^0	1×10^4	Cf-254	1×10^0	1×10^3
Am-241	1×10^0	1×10^4	Es-253	1×10^2	1×10^5

Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)	Nuklid	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Keaktifan (Bq)
Am-242	1×10^3	1×10^6	Es-254	1×10^1	1×10^4
Am-242 ^{ma}	1×10^0	1×10^4	Es-254 ^m	1×10^2	1×10^6
Am-243 ^a	1×10^0	1×10^3	Fm-254	1×10^4	1×10^7
Cm-242	1×10^2	1×10^5	Fm-255	1×10^3	1×10^6
Cm-243	1×10^0	1×10^4			

^a Nuklid induk dan progeninya termasuk dalam keseimbangan sekular disenaraikan seperti berikut:

Sr-90	Y-90
Zr-93	Nb-93 ^m
Zr-97	Nb-97
Ru-106	Rh-106
Cs-137	Ba-137 ^m
Ce-134	La-134
Ce-144	Pr-144
Ba-140	La-140
Bi-212	Tl-208 (0.36), Po-212 (0.64)
Pb-210	Bi-210, Po-210
Pb-212	Bi-212, Tl-208 (0.36), Po-212 (0.64)
Rn-220	Po-216
Rn-222	Po-218, Pb-214, Bi-214, Po-214
Ra-223	Rn-219, Po-215, Pb-211, Bi-211, Tl-207
Ra-224	Rn-220, Po-216, Pb-212, Bi-212, Tl-208 (0.36), Po-212 (0.64)
Ra-226	Rn-222, Po-218, Pb-214, Bi-214, Po-214, Pb-210, Bi-210, Po-210
Ra-228	Ac-228
Th-226	Ra-222, Rn-218, Po-214
Th-228	Ra-224, Rn-220, Po-216, Pb-212, Bi-212, Tl-208 (0.36), Po-212 (0.64)
Th-229	Ra-225, Ac-225, Fr-221, At-217, Bi-213, Po-213, Pb-209
Th-nat	Ra-228, Ac-228, Th-228, Ra-224, Rn-220, Po-216, Pb-212, Bi-212, Tl-208 (0.36), Po-212 (0.64)
Th-234	Pa-234 ^m
U-230	Th-226, Ra-222, Rn-218, Po-214
U-232	Th-228, Ra-224, Rn-220, Po-216, Pb-212, Bi-212, Tl-208 (0.36), Po-212 (0.64)
U-235	Th-231
U-238	Th-234, Pa-234 ^m
U-nat	Th-234, Pa-234 ^m , U-234, Th-230, Ra-226, Rn-222, Po-218, Pb-214, Bi-214, Po-214, Pb-210, Bi-210, Po-210
U-240	Np-240 ^m
Np-237	Pa-233
Am-242 ^m	Am-242
Am-243	Np-239

JADUAL KETIGA
 PENGIRAAN KEPEKATAN BAGI CAMPURAN RADIONUKLID
 (Perenggan 13(1)(b))

Bagi sisa radioaktif yang mengandungi campuran radioanuklid kaedah pengiraan berikut hendaklah digunakan:

$$\sum_{i=1}^n \frac{C_i}{(\text{kepekatan keaktifan})_i} \leq 1$$

Bahawa,

C_i adalah kepekatan keaktifan (Bq/g) bagi radionuklid sehingga i^{th} di dalam sisa radioaktif;

$(\text{kepekatan keaktifan})_i$ adalah nilai kepekatan keaktifan (Bq/g) bagi radionuklid i seperti dalam Jadual Kedua; dan

n ialah bilangan radionuklid yang hadir di dalam sisa radioaktif

JADUAL KEEMPAT
BORANG INVENTORI TAHUNAN SISA RADIOAKTIF
 (Peraturan 3 dan 28)

Nama syarikat atau agensi :
 Alamat kemudahan atau agensi :
 Telefon/Nombor faksimile :
 Nombor Lesen :
 Kelas lesen :
 Perihalhan Sisa :

Bentuk Sisa	Kelas Sisa berdasarkan Jadual Pertama	Radioisotop	Separuh Hayat	Bentuk Kimia	Tarikh dan Keaktifan Awal	Aras Sinaran pada 1 Meter (mSv/hr)	Kuantiti Sisa (kg atau m ³)	Lokasi (Bangunan dan Nombor Bilik)	Keaktifan Maksimum (Bq) untuk setiap Radioisotop pada 31 Disember

Disediakan oleh Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif:

Disahkan oleh:

Tandatangan:

Tarikh:

Penting: Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Lembaga pada 1 Mac setiap setahun kalendar.

JADUAL KELIMA

BORANG BAGI REKOD SISA RADIOAKTIF YANG DIBERSIHKAN DIBUANG ATAU DILUPUSKAN

(Peraturan 29)

Nama syarikat atau agensi :
 Alamat kemudahan atau agensi :
 Telefon/Nombor faksimile :
 Nombor Lesen :
 Kelas lesen :
 Perihal Sisa :

Bentuk Sisa	Radioisotop	Separuh Hayat	Bentuk Kimia (hendaklah mematuhi peraturan 17)	Kepekatan Keaktifan (Bq/g)	Kuantiti Sisa (kg atau m ³)	Keaktifan (Bq)	*Cara Pelupusan	Tarikh dan Lokasi

Disediakan oleh Pegawai Pengurusan Sisa Radioaktif:

Disahkan oleh:

Tandatangan:

Tarikh:

*Dibuang, dilupus, dilepaskan atau dipulangkan kepada pembekal.

Penting: Borang yang lengkap hendaklah dihantar kepada Lembaga pada 1 Mac setiap setahun kalendar.

Dibuat 29 Julai 2011
[LPTA(S):TAD; PN(PU2)425/VI]

DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING (RADIOACTIVE WASTE MANAGEMENT)
REGULATIONS 2011

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

LICENSE TO DISPOSE

4. License to dispose

PART III

RESPONSIBILITIES OF LICENSEE

5. Responsibilities of licensee

PART IV

RADIOACTIVE WASTE MANAGEMENT OFFICER

6. Appointment of Radioactive Waste Management Officer
7. Responsibilities of Radioactive Waste Management Officer

PART V
CONTROL OF RADIOACTIVE WASTE GENERATION

8. Control of radioactive waste generation

PART VI
REUSE AND RECYCLE OF RADIOACTIVE MATERIAL

9. Reuse and recycle
10. Transfer of radioactive material

PART VII
MANAGEMENT OF USED SEALED SOURCE

11. Return of used sealed source
12. Transfer to radioactive waste management facility

PART VIII
DISCHARGE AND DISPOSAL OF RADIOACTIVE WASTE

13. Discharge limit
14. Discharge and monitoring of radioactive waste
15. Nonradiological properties of radioactive waste
16. Radioactive waste not suitable for release, discharge or disposal

PART IX
